



TEKS
KHUTBAH
NEGERI PAHANG
NOVEMBER 2025

MEMELIHARA KESUCIAN AL-QURAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA

21 NOVEMBER 2025M | 30 JAMADILAWAL 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersungguh-sungguh meningkatkan ketakwaan kepada Allah Taala dengan melaksanakan perintah Allah Taala dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya takwa adalah bekal yang terbaik untuk kebahagiaan hidup kita sama ada di dunia mahupun akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala

Al-Quran ialah kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam bahasa Arab, menerusi perantaraan malaikat Jibril Alaihisalam, disampaikan kepada kita secara *mutawatir*, dimulai dengan surah al-fatihah, diakhiri dengan surah al-Nas dan membacanya dikira suatu ibadat.

Allah Taala menurunkan al-Quran untuk menjadi panduan hidup manusia sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 1 dan 2:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْم ﴿١﴾ ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Yang bermaksud: “Alif, Laam, Miim. Kitab (al-Quran) ini tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya daripada Allah dan tentang sempurnanya) ia pula menjadi petunjuk bagi orang bertakwa.”

Kitab al-Quran juga menerangkan kebesaran Allah Taala, mengandungi perundangan kehidupan dan merupakan mukjizat sepanjang zaman. Sesungguhnya penurunan al-Quran adalah anugerah Allah Taala kepada kita dan semestinya kita perlu bersyukur ke hadrat-Nya sebagaimana firman-Nya pada ayat 1 hingga 2 surah al-Kahf yang bermaksud: “Segala pujian bagi Allah yang telah menurunkan al-Quran pada hamba-Nya Muhammad. Dia tidak menjadikan pada al-Quran itu sesuatu yang menyimpang daripada kebenaran. Bahkan al-Quran itu sesuatu yang lurus. Ia diturunkan untuk memberi peringatan kedatangan azab yang dahsyat daripada Allah dan memberi berita gembira kepada orang beriman lagi beramal soleh bahawa bagi mereka ganjaran yang baik.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Keistimewaan al-Quran yang berlainan dengan kitab *samawi* yang lain ialah nasnya dipelihara oleh Allah Taala. Firman-Nya dalam surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya Kami yang telah menurunkan al-Quran dan hanyalah Kami pemeliharanya.*”

Sesungguhnya wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam sentiasa dijaga dengan baik. Ketelitian menulis nas al-Quran dengan tepat sudah bermula sejak zaman Baginda lagi. Setiap kali menerima wahyu, Baginda akan mengarahkan ia ditulis oleh para sahabat Radiallahu Anhum dalam kalangan penulis wahyu, antaranya Zaid Ibn Thabit Radiallahu Anhu

Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,

Pengumpulan al-Quran kali pertama berlaku pada zaman Saidina Abu Bakr al-Siddiq Radiallahu Anhu iaitu selepas peperangan al-Yamamah menentang golongan murtad. Dalam peperangan tersebut, ramai penghafaz al-Quran gugur syahid. Melihat perkara ini, Saidina Umar Ibn al-Khattab Radiallahu Anhu mencadangkan kepada Saidina Abu Bakar al-Siddiq Radiallahu Anhu untuk mengumpulkan al-Quran. Setelah dipersetujui maka tugas mengumpul dan menulis al-Quran diberi kepada dua orang sahabat iaitu Saidina Umar Ibn al-

Khattab dan Saidina Zaid Ibn Thabit Radiallahu Anhuma dan periwayatan al-Quran adalah sabit secara mutawatir.

Semasa pemerintahan Khalifah Uthman Ibn Affan Radiallahu Anhu, bagi mengelakkan cara bacaan yang berbeza dan untuk penyeragaman bacaan, satu lajnah telah dibentuk yang dianggotai oleh Zaid Ibn Thabit, Abdullah Ibn al-Zubair, Said Ibn al-‘As dan Abdul Rahman Ibn Harith untuk menyalin Mushaf mengikut dialek Quraisy yang kemudiannya dikenali sebagai rasm Uthmani, mereka telah membuat beberapa salinan al-Quran dan seterusnya dihantar ke kota-kota Islam bersama-sama dengan seorang guru.

Sidang Jemaah yang dirahmati

Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerusi kerjasama JAKIM dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) telah memperkenalkan Smart al-Quran yang merupakan aplikasi mudah alih **Al-Quran pertama** di Malaysia dan mendapat kelulusan Lembaga Kawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Quran, KDN. KDN juga telah ditugaskan untuk melaksanakan penguatkuasaan dan kawalan berkaitan dengan teks dan bahan al-Quran menerusi Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 pindaan 2023 (Akta 326). Menerusi Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Teks Al-Quran (Lajnah Tasheh Al-Quran) yang dianggotai 35 orang dalam kalangan para penghafaz al-Quran dan berkemahiran tinggi dalam penulisan al-Quran, telah berperanan memastikan ketepatan setiap ayat al-Quran sebelum dibenarkan ia dicetak.

Ketelitian lajnah dalam menyemak deraf cetakan al-Quran adalah melibatkan beberapa perkara penting iaitu mesti menepati Rasm Uthmani yang selaras dengan standard dan piawaian antarabangsa. Hanya deraf yang menepati garis panduan yang telah ditetapkan akan dibawa kepada Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran bagi tujuan mendapatkan kelulusan mencetak.

Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,

Dari aspek penguatkuasaan, pihak KDN berserta dengan pihak berkuasa agama negeri akan menjalankan pemantauan berkala di premis-premis perniagaan, penaziran berjadual di syarikat penerbitan dan pencetakan serta pemeriksaan bersepadu berdasarkan aduan untuk memastikan semua al-Quran mempunyai cop kelulusan KDN dan pelekat hologram KDN. Oleh sebab itu, dengan adanya penguatkuasaan dan kawalan, mushaf yang tersebar di negara ini adalah terpelihara daripada kesalahan dan penyelewengan.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Taala,

Akhir sekali, marilah kita sama-sama mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan demi menjaga kemaslahatan ummah dan kesucian mushaf al-Quran.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَتْلُ مَا أُوْحِيَ إِلَيْكَ مِنْ كِتَابِ رَبِّكَ لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِهِ وَلَنْ تَجِدَ مِنْ دُونِهِ
مُلْتَحَدًا ﴿٢٧﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.